

PENGHAYATAN RUKUN NEGARA DALAM KALANGAN MASYARAKAT MALAYSIA



Nasionalisme ibarat senjata bagi sesebuah negara dalam usaha memelihara keutuhan dan membina kekuatan dalaman dalam kalangan rakyat bagi mengatasi setiap ancaman luar seperti globalisasi. Dalam konteks ini, Malaysia sebagai sebuah negara yang berbilang bangsa dan memiliki kekayaan budaya, maka nasionalisme perlu disemai dalam jiwa mereka agar jurang perbezaan yang wujud antara kaum dapat diatasi.

Sebelum ini, semangat "kekitaan" dalam kalangan rakyat tidak begitu menebal dan perkara ini menjadi penghalang dalam usaha menanam perasaan cinta akan bangsa dan negara. Hal ini dikatakan demikian kerana perasaan iri hati dan tidak percaya dalam kalangan kaum berleluasa hingga teretusnya tragedi 13 Mei 1969. Pada masa itu, orang bukan Melayu masih menumpukan perhatian mereka ke tanah besar China dan India. Mereka tidak menganggap Tanah Melayu ini sebagai tanah air mereka, manakala orang Melayu pula menumpukan perhatian pada kawasan Timur Tengah dan Indonesia sebagai teras perjuangan mereka.

Ekoran daripada peristiwa berdarah tersebut, keadaan berpuak-puak dalam kalangan rakyat jelas kelihatan walaupun negara telah mencapai kemerdekaan pada tahun 1957. Ketika itu, konsep bangsa yang sebenarnya masih belum wujud lagi. Malah, pada masa itu, penduduk masih diduduki oleh fahaman perkauman yang terlalu menebal. Perkara ini terjadi kerana rakyat sebenarnya hanya mendapat "negara" semata-mata daripada penjajah Inggeris. Oleh itu, rusuhan kaum telah berlaku secara berlanjutan dalam tempoh beberapa minggu. Kesan daripada peristiwa tersebut, pemerintah mengisytiharkan darurat dan perintah berkurung, parlimen digantung, dan pemerintahan negara diambil alih oleh Majlis Gerakan Negara.

Seharusnya, rakyat Malaysia bersatu sekiranya mereka menginginkan negara ini terus membangun dan hidup dalam

suasana aman, dan makmur. Maka itu, bagi mengekalkan perpaduan negara, pada tahun 1970, Rukun Negara telah dibentuk. Pembentukan ideologi kebangsaan tersebut bertujuan memandu kehidupan rakyat Malaysia. Selain itu, pembentukan Rukun Negara timbul apabila kesedaran terhadap perpaduan yang disangka kukuh dan teguh hasil muafakat (*social contract*) antara tiga kaum terbesar, iaitu Melayu, Cina dan India semasa pemaktuban perlembagaan negara terbukti sementara dan tipis (*superficial*) apabila rusuhan kaum yang dahsyat teretus.

Pada masa ini, kewujudan pancasila Malaysia sepatutnya tidak dicabar oleh mana-mana pihak, atas semangat setia kawan dalam negara merdeka. Namun begitu, penghayatan terhadap kepentingan Rukun Negara dilihat bertambah luntur disebabkan oleh sikap segelintir rakyat yang tidak berminat untuk mencanangkan agenda ini hingga ke akar umbi etnik di Malaysia. Rukun Negara terhasil daripada penyatuan pemikiran pemimpin negara dan ahli cerdik pandai yang mahu melihat rakyat negara ini peka akan kewujudan negara

bangsa yang mempunyai identiti sendiri. Selain itu, pegangan yang sama seperti prinsip hidup bermasyarakat yang mengandungi nilai kenegaraan dan norma sosial yang meliputi semua aspek kehidupan termasuk keagamaan, kebudayaan, ekonomi, politik dan perundangan.

Fungsi Rukun Negara adalah untuk mengembalikan keamanan, pentadbiran yang lancar dan sempurna, serta suasana keharmonian dan kepercayaan antara kaum dalam sesebuah negara. Selepas keadaan pulih dan keamanan kembali semula, satu Jawatankuasa Perundangan Perpaduan dan Jawatankuasa Rukun Negara telah ditubuhkan. Hasil daripada perbincangan tersebut, maka lahirlah Rukun Negara untuk memulihkan keyakinan rakyat yang terkejut dengan rusuhan yang tragis dan dahsyat itu. Akhirnya, pada 31 Ogos 1970, DYMM Yang Dipertuan Agong telah mengisytiharkan Rukun Negara sempena ulang tahun ke-13 kemerdekaan Malaysia.

Objektif Rukun Negara ialah; bercita-cita melahirkan masyarakat Malaysia yang demokratik, saintifik, progresif,

bersatu padu, dan bersikap terbuka terhadap pelbagai cara hidup rakyat daripada pelbagai keturunan. Perkara ini dipercayai akan tercapai sekiranya kelima-lima objektif Rukun Negara dapat dipenuhi. Objektif ini adalah untuk mencapai perpaduan yang lebih erat dalam kalangan seluruh anggota masyarakatnya, memelihara cara hidup yang demokratik, mencipta masyarakat adil yang menjamin kemakmuran negara serta dinikmati bersama-sama secara adil dan saksama, menjamin sikap yang liberal terhadap pelbagai tradisi kebudayaan negara yang kaya, dan membina masyarakat progresif dengan menggunakan sains dan teknologi moden.

Terdapat lima prinsip Rukun Negara; Kepercayaan kepada Tuhan; Kesetiaan kepada Raja dan Negara; Keluhuran Perlembagaan; Kedaulatan Undang-undang dan Kesopanan dan Kesusilaan. Sebuah jawatankuasa yang menggubal Rukun Negara menyedari peri pentingnya agama dan kepercayaan kepada Tuhan dalam kehidupan manusia. Hal ini dikatakan demikian kerana ketiadaan agama boleh merosakkan diri, bangsa dan negara. Menyedari betapa pentingnya keteguhan pegangan anggota masyarakat terhadap ajaran agama masing-masing, maka prinsip ini telah dipilih sebagai yang pertama dalam Rukun Negara. Selain itu, prinsip ini memberikan penekanan terhadap nilai dan kepercayaan agama.

Dalam konteks ini, manusia berpotensi untuk menjadi baik, jahat atau lemah, malah dan sering tergeda oleh nafsu

Perlembagaan Malaysia memperuntukkan DYMM Yang di-Pertuan Agong sebagai ketua negara.



Foto: <http://www.themalayinsider.com.my/>

sendiri. Namun begitu, sekiranya pegangan agama yang teguh disemai dan ditanam dalam diri individu, maka agama yang akan memandu pemikirannya, serta menggalakkannya untuk melakukan kebaikan dan menjauhi kejahatan. Di samping itu, agama menjadi sauh agar individu tersebut tidak hanyut tanpa haluan sehingga menjerat diri sendiri dalam kancang kemaksiatan. Melalui pegangan agama yang teguh, individu tersebut dapat menjauhi dirinya daripada perbuatan anti-sosial seperti mencuri, merompak, penyalahgunaan dadah dan jenayah kolar putih.

Kemudian, prinsip kedua yang termaktub sebagai Rukun Negara ialah Kesetiaan kepada raja dan negara. Perasaan kesetiaan kepada raja dan negara patut ada dalam jiwa rakyat Malaysia. Hal ini dikatakan demikian kerana rakyat yang setia dan cinta kepada raja dan negara tidak akan melibatkan diri dalam sebarang aktiviti yang meruntuhkan perpaduan sehingga mewujudkan keadaan kacau bilau.

Pegangan yang teguh terhadap prinsip ini dapat mewujudkan rakyat yang menghormati harta awam, menghormati simbol kedaulatan negara, mematuhi undang-undang, produktif pada pembangunan negara, menjaga nama baik negara, memelihara kepentingan ekonomi dan politik yang diceburinya, memberikan sumbangan dalam bentuk masa dan tenaga untuk pembangunan masyarakat dan negara, serta mempertahankan negara sekiranya diancam oleh kuasa luar dan bersifat altruistik. Oleh itu, secara tidak

langsung, sifat sedemikian dapat memelihara dan mengekalkan keharmonian dalam kalangan masyarakat dan negara.

Dalam prinsip ketiga pula, iaitu Keluhuran Perlembagaan, semua pihak perlu menekankan penerimaan, pematuhan dan keluhuran, dan kemuliaan terhadap Perlembagaan Malaysia. Perlembagaan ialah sumber perundangan yang tertinggi.

Perlembagaan ini telah digubal berasaskan kesepakatan semua kaum dan pihak di negara ini semenjak kemerdekaan dicapai dan terbentuknya sebuah negara bernama Malaysia. Rukun Negara merupakan kontrak sosial rakyat yang tidak boleh dipersoalkan dan diganggu gugat. Hal ini dikatakan demikian kerana Rukun Negara ialah sumber rujukan bagi segala hal yang berkaitan dengan sistem pemerintahan, perundangan, kedudukan dan hak sosioekonomi rakyat.

Maka itu, prinsip ini sangat perlu untuk mendukung Rukun Negara kerana kestabilan negara akan tergugat sekiranya rakyat tidak menerima keluhuran perlembagaan negara ini, malah

tempersolkannya dan mengkritiknya tanpa asas. Keluhuran perlembagaan ini bukan sahaja perlu diterima dan dipatuhi, tetapi perlu dipertahankan sekiranya terancam.

Prinsip yang berikutnya ialah konsep kedaulatan undang-undang yang sangat perlu bagi sesebuah negara. Undang-undang negara merupakan asas perlembagaan sesebuah negara, maka itu, kedaulatannya perlu diterima dan dipertahankan.

Tanpa undang-undang, kehidupan manusia akan menjadi porak-peranda. Oleh hal yang demikian, undang-undang tidak boleh dipersendakan, sebaliknya wajib dihormati dan dipatuhi oleh setiap individu, sama ada pemerintah atau rakyat. Tujuannya adalah untuk mewujudkan keamanan, kestabilan, dan kemakmuran bagi segala hal yang berkaitan dengan pergerakan dengan lancar dan teratur tanpa sebarang kekacauan. Selain itu, negara terus membangun dan rakyat dapat hidup dalam keadaan aman dan harmoni. Kesedaran ini perlu diwujudkan dan dikekalkan dalam pemikiran setiap rakyat Malaysia.

Perlembagaan negara perlu diterima oleh setiap individu, sama ada pemerintah atau rakyat.



Foto: <https://pixabay.com/>



Sebagai rakyat Malaysia, kita seharusnya mengekalkan keharmonian antara satu sama lain.

Foto: <https://www.bigstockphoto.com/>

Prinsip terakhir ialah Kesopanan dan Kesusilaan. Prinsip ini memberikan penekanan terhadap perkembangan personaliti dan tingkah laku individu. Tujuannya adalah untuk mewujudkan individu yang bersopan, beradab, ikut peraturan, tertib, bermaruah dan bersusila, termasuk berakhlak dan berhemah mulia. Sifat individu seperti ini paling bermakna dalam konteks hubungan dengan anggota lain dalam masyarakat, yang pelbagai latar belakang.

Kesopanan dan kesusilaan ini bermula daripada akal fikiran yang terpancar melalui tingkah laku dan kata-kata individu tersebut. Bahasa yang lembut dan diplomatik, serta perbuatan yang halus menjamin hubungan yang baik

dan harmoni dalam kalangan anggota masyarakat.

Sekiranya prinsip ini dipraktikkan, maka akan lahir sikap individu yang berdisiplin, insan berhati murni yang membentuk masyarakat yang baik, masyarakat yang berperaturan, tertib dan harmoni, dan masyarakat yang bersopan dan bersusila. Hal seperti ini akan membantu usaha kerajaan untuk membentuk masyarakat berbilang kaum yang harmoni.

Bagi mencapai objektif Rukun Negara, beberapa tindakan telah diambil, antaranya termasuklah ikrar rasmi yang menjadi pegangan negara sebagai garis panduan dalam usaha membina negara dan bangsa Malaysia. Sebagai kesimpulannya, Rukun Negara merupakan asas utama untuk

Ikrar Rukun Negara

Bahawasanya negara kita Malaysia mendukung cita-cita hendak: Mencapai perpaduan yang lebih erat di kalangan seluruh masyarakat; Memelihara satu cara hidup demokratik; Mencipta satu masyarakat adil di mana kemakmuran negara akan dapat dinikmati bersama secara adil dan saksama; Menjamin satu cara liberal terhadap tradisi-tradisi kebudayaannya yang kaya dan berbagai corak; dan Membina satu masyarakat progresif yang akan menggunakan sains dan teknologi moden. Maka kami, rakyat Malaysia berikrar akan menumpukan seluruh tenaga dan usaha kami untuk mencapai cita-cita tersebut berdasarkan atas prinsip-prinsip berikut: Kepercayaan kepada Tuhan, Kesetiaan kepada Raja dan Negara, Keluhuran Perlembagaan, Kedaulatan Undang-Undang, Kesopanan dan Kesusilaan.